

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)4**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

4. COVID-19 bertambah serius, perayaan penting seperti Warisan George Town dan George Town Festival yang akan disambut pada Julai telah dibatalkan. Selain dari menawarkan diskaun 50% melancong kepada penduduk di Pulau Pinang.
  - (a) Apakah strategi/langkah dari pihak EXCO Pelancongan demi membantu menangani kelembapan sektor pelancongan negeri disebabkan penularan COVID-19?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Strategi/langkah bagi membantu menangani kelembapan sektor pelancongan negeri disebabkan penularan COVID19 adalah berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan (Tourism Recovery Action Plan) seperti berikut:-
  - (i) Menangguhkan kempen promosi, pemasaran dan program-program pelancongan dalam keadaan wabak Covid-19 yang tidak menentu untuk menjimatkan kos;

(ii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti agensi kerajaan, hotel penginapan, agen pelancongan, pengusaha tempat tarikan pelancong dan syarikat penerbangan bagi membincang dan menghasilkan rancangan yang komprehensif di bawah

Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan;

(iii) Memberi tumpuan kepada pasaran pelancongan domestik dalam jangka masa pendek dan sederhana.

Promosi seperti pameran dan pengiklanan akan dilaksanakan kepada pasaran domestik. Pejabat PETACH juga menyokong promosi bagi kempen "Penang Lang 50% Off" oleh Association of Tourism Attractions Penang (ATAP) dan akan terus dikaji untuk dipanjangkan kepada pelancong-pelancong domestik;

(iv) Menghasilkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang selamat; dan

(v) Bagi jangka masa panjang, kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan bagi memulihkan pasaran

pelancongan domestik dan antarabangsa.

- (vi) Mencadangkan insentif dan bantuan tunai di bawah Pakej Bantuan Rakyat COVID-19 kepada golongan terkesan dari Kerajaan Negeri termasuk:
- a. Pemberian bantuan tunai One-off RM 500.00 kepada pemandu pelancong;
  - b. Pemberian RM 500.00 wang insentif kepada pemandu teksi dan penarik beca;
  - c. Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
  - d. Bantuan tunai One-off RM 500.00 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen.
  - e. Memberikan pinjaman tanpa faedah kelangsungan perniagaan Pulau Pinang kepada golongan usahawan; dan
  - f. Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk memberi bantuan kepada pemandu bas persiaran, van persiaran dan limosin yang berdaftar di Pulau Pinang.

